



9

SCAM: Masihkah Ada yang Akan Terkena?

Nur Azila Azahari dan Wan Nor Ashiqin Wan Ali

Apa itu Scam? Scam adalah satu perkataan yang sering dilihat dimuat naik ke media sosial. Scam tidak dinyatakan maksudnya dalam Bahasa Melayu namun ianya boleh ditafsirkan sebagai penipuan. Scam adalah satu bentuk penipuan. Tidak kira penipuan itu berlaku secara atas talian dan bukan. 'Scammers' pula dikaitkan dengan orang atau si pelaku yang menipu orang lain. Penipuan yang selalu berlaku adalah di alam maya dan media sosial. Media sosial seperti *Facebook, Whatapps, WeChat, Telegram* selalu mengundang kepada kewujudan 'Scammers' ini. Apa itu Penipuan Kewangan? Penipuan kewangan dalam bahasa Inggeris adalah '*Financial Fraud*'. Penipuan kewangan adalah satu bentuk jenayah kewangan yang dilihat secara serius dan perlu diatasi. Pihak Bank Negara Malaysia (BNM) telah membangunkan satu laman web khas untuk memberi maklumat mengenai jenayah kewangan. Laman web yang alamatnya adalah <http://fraudalert.bnm.gov.my> dibangunkan oleh BNM dan sentiasa diselia.

Mengapa BNM mewujudkan laman web tersebut? Ini kerana, masyarakat perlu dimaklumkan dengan skim dan bentuk penipuan kewangan ini. Terdapat banyak kes yang melibatkan kawasan luar bandar. Ada di antaranya melibatkan warga emas berpencen dan juga warga emas yang menggunakan wang yang dikumpul sejak berpuluh tahun. Penipuan sebegini sering berlaku di kawasan luar bandar kerana maklumat awal tidak sampai kepada kawasan pendalaman ini. Mereka tidak mengenali dengan jelas mahupun secara asas mengenai bentuk jenayah ini. Ada juga antara mereka yang tidak sedar yang mereka sebenarnya telah pun ditipu. Punca sebegini yang menyebabkan ada antara mereka ditipu sehingga mencapai jumlah yang besar iaitu ratusan dan ribuan ringgit.

Wang mereka dilaburkan pada syarikat yang menabur kata-kata manis tidak berpenghujung. Penduduk luar bandar kebanyakan tidak mempunyai maklumat yang luas mengenai hal ini. Justeru, mereka mudah terpedaya dengan sogokan kata-kata bahawa ganjaran yang akan diperoleh adalah tinggi dalam masa yang singkat.

Senarai Contoh Scam atau Penipuan Kewangan

Antara yang disenarai oleh BNM adalah Penipuan Urus Niaga Kad Kredit, Helah Panggilan Telefon, Penipuan Pinjaman Bank, Penipuan Ah Long, Skim Penipuan Ponzi, Skim Cepat Kaya, Penipuan *Black Money*, Penipuan Kewangan Melalui E-mel, Penipuan SMS *Lucky Draw*, Penipuan Wang Persaraan, Penipuan Pelaburan MLM, Gores dan Menang, Penipuan Harta Wasiat dan Hadiah Wang Tunai melalui SMS.

Senarai ini dikeluarkan oleh BNM dalam satu Buletin Bulanan iaitu RINGGIT. RINGGIT merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA dan ia diterbitkan pada setiap bulan dan boleh dimuat turun oleh pembaca secara percuma.

Penipuan Urus Niaga Kad Kredit

Penipuan yang dilakukan adalah dengan menghantar khimat pesanan ringkas (SMS) kepada mangsa. SMS yang diberikan adalah pemberitahuan berkenaan kad kredit mangsa telah digunakan dalam satu urusan niaga. Seterusnya, mangsa perlu membuat penafian penggunaan dengan menghubungi nombor telefon yang diberikan. Nombor telefon tersebut adalah palsu di mana ia adalah nombor telefon sindiket berkenaan. Mangsa yang panik akan terus menghubungi nombor telefon berkenaan dan memberikan semua maklumat peribadi miliknya kepada sindiket.